

16/03/1998

PM dijangka temui 10,000 sukarelawan

Lukman Salleh

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengadakan pertemuan dengan hampir 10,000 sukarelawan Sukan Komanwel (Nadi '98), di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras pada 26 April ini.

Dalam pertemuan itu Dr Mahathir dijadual menyampaikan amanatnya kepada sukarelawan Sukan Komanwel yang akan berkhidmat sepanjang Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, pada 11-21 September ini.

Pengarah Komunikasi Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Tunku Maziah Mukhtar, berkata pertemuan itu diharap dapat membangkitkan semangat Nadi '98 dan sebagai mengucapkan terima kasih atas sumbangan khidmat mereka.

"Kita menjangkakan hampir 10,000 sukarelawan hadir dalam perhimpunan dengan Perdana Menteri," kata Tunku Maziah selepas menyampaikan sijil tamat kursus orientasi kepada 200 sukarelawan Nadi '98, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, semalam.

Sehingga kini, Sukom '98 sudah melatih hampir 15,000 sukarelawan, jumlah yang diperlukan Sukom '98 untuk membantunya mengendalikan sukan prestij itu.

Tunku Maziah berkata, Sukom '98 menerima hampir 48,000 permohonan untuk menjadi sukarelawan dan tugas melatih hampir 16,000 sukarelawan akan tamat bulan depan sebelum membuat pengkhususan tugas.

"Ujian pertama sukarelawan akan dilakukan dalam kejohanan pra-Sukan Komanwel Julai ini, tapi membabitkan segelintir saja kerana sukan itu tidaklah begitu besar.

"Sukom '98 berharap sukarelawan akan mendapat pengalaman dan ujian yang cukup berguna dalam kejohanan itu untuk digunakan pada temasya sebenar Sukan Komanwel September ini.

"Untuk pra-Sukan Komanwel itu kita akan menggunakan kebanyakan sukarelawan dari Kuala Lumpur," kata Tunku Maziah.

Bagi memastikan sukarelawan luar Kuala Lumpur memperolehi penginapan dalam Sukan Komanwel '98, pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa universiti tempatan untuk menggunakan asrama mereka.

"Ia masih dalam peringkat perbincangan dan belum ada keputusan lagi tetapi adalah di antara usaha Sukom '98 untuk mencari tempat penginapan sukarelawan dari luar Kuala Lumpur.

"Sukom '98 akan menanggung kos penginapan sukarelawan di asrama universiti terbabit. Kalau tidak ada, sukarelawan dari Kuala Lumpur akan membantu rakan mereka mencari penginapan.

"Kita juga menerima permohonan sukarelawan dari negara Komanwel seperti Kanada dan Australia, yang bersedia menanggung perbelanjaan sendiri ke Kuala Lumpur," kata Tunku Maziah.

(END)